

# Persidangan Yalta dan Kesannya ke atas Asia Timur

---

oleh

**Suffian Mansor**

## **PENGENALAN**

Salah satu peristiwa penting yang berlangsung semasa Perang Dunia Kedua ialah Persidangan Yalta. Persidangan ini diadakan pada 4 – 11 Februari, 1945 di Yalta, Crimea. Ia dihadiri oleh tiga pemimpin kuasa besar dunia atau “Big Three” yang terdiri daripada Amerika Syarikat, Great Britain dan Soviet Union. Tiga orang pemimpin dari negara ini ialah Franklin D. Roosevelt (Amerika Syarikat), Winston Churchill (United Kingdom) dan Josef Stalin (Soviet Union). Persidangan ini membincangkan beberapa perkara mengenai isu-isu perang dan hal-hal selepas perang. Antara fokus perbincangan di Yalta adalah mengenai pembahagian Jerman, masalah Poland, pembentukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, pembentukan kerajaan Yugoslavia dan masalah di Asia Timur.

Dalam artikel ini fokus perbincangan adalah mengenai penyelesaian masalah perang di Asia Pasifik dan implikasi serta kepentingannya pada masa depan Asia Timur. Oleh itu lebih baik dilihat persetujuan yang dibuat oleh dua pemimpin\* ini mengenai Asia Timur. Antara perkara-perkara yang disentuh ialah ;

1. Soviet Union akan menyertai perang dengan Jepun selepas dua atau tiga bulan Jerman dapat dikalahkan.
2. *Status quo* Outer Mongolia (Mongolia Luar) akan dipelihara.
3. Semua hak Rusia yang dirampas oleh Jepun pada 1904 akan dikembalikan seperti berikut;
  - Bahagian selatan Pulau Sakhalin dan pulau-pulau berdekatan dengannya.
  - Pelabuhan Dairen (Dalian/Dalny) akan diantarabangsakan dan kepentingan utama Soviet Union di pelabuhan itu akan dilindungi.
  - Port Arthur (Lushun) akan disewakan kepada Soviet Union sebagai pengkalan tentera.
  - Jalan Keretapi China Timur dan Jalan Keretapi Manchuria Selatan akan dikendali secara bersama antara China – Soviet Union.
4. Kepulauan Kurile akan diserahkan kepada Soviet Union.

Dari empat perkara yang disentuh, perkara pertama merupakan perkara yang paling utama bagi menyelesaikan perang di Asia Pasifik dengan lebih cepat. Manakala perkara 3 sehingga 4 merupakan tuntutan yang dibuat oleh Soviet Union sebagai pulangan yang diperolehi apabila menyertai perang di Asia Pasifik. (Untuk keterangan lanjut mengenai persetujuan di Yalta ini boleh rujuk pada lampiran 1). Sebelum kita membincangkan perkara-perkara ini secara umum maka perlu juga kita lihat sejarah disebalik perkara-perkara tadi dengan lebih dekat.

### SOVIET UNION DAN PERANG PASIFIK

Penyertaan Soviet Union dalam Perang Pasifik telah dibincang sebelum berlangsungnya Persidangan Yalta. Menurut Edward R. Stettinius usaha membawa Rusia untuk berperang dengan Jepun datang dari pemimpin tenteranya.<sup>1</sup> Dalam satu dokumen yang dihantar oleh pihak tentera kepada Jabatan Negara sebelum delegasi Amerika Syarikat tiba di Yalta menyatakan;


... We desire Russian entry at the earliest possible date consistent with her ability to engage in offensive operations and are prepared to offer the maximum support possible without prejudice to our main effort against Japan ...<sup>2</sup>



Kedudukan Bandar Yalta



Churchill, Roosevelt dan Stalin di Yalta



Tempat-tempat yang dikaitkan dengan Perjanjian Yalta

Manakala di pihak Rusia tidak terlibat dalam perang di Asia Pasifik kerana mempunyai perjanjian *non-aggression* dengan Jepun pada April, 1941.

Namun demikian ini tidak bermakna Rusia terikat dengan perjanjian itu. Stalin pernah menyatakan kepada Setiausaha Luar Amerika Syarikat Cordell Hull di Moscow pada Oktober 1943 bahawa Rusia akan menyertai perang melawan Jepun. Perkara yang sama pernah disuarakan oleh Stalin di dalam Persidangan Teheran pada 28 November – 1 Disember, 1943, tetapi persetujuan bersifat tidak formal.

Menurut Ernesto Sanchez, empayar Jepun merupakan *sea empire*, yang mana meluas hampir keseluruhan kepulauan Pasifik. Manakala strategi Amerika Syarikat melawan Jepun dengan "*island hopping*" atau menyerang setiap kawasan

yang dikuasai oleh Jepun secara satu persatu. Namun demikian strategi ini menampakkan kerugian nyawa dan masa yang banyak. Tambahan lagi sejak awal penglibatan Amerika Syarikat dengan Perang Dunia Kedua sehingga Persidangan Yalta, tentera Amerika Syarikat menghadapi risiko yang tinggi apabila berdepan dengan tentera Jepun. Oleh itu Amerika Syarikat memerlukan bantuan Soviet Union untuk mengalahkan Jepun dengan lebih cepat.<sup>3</sup>


Selain itu usaha membawa Soviet Union terlibat dalam perang dengan Jepun boleh dilihat dari kelemahan China. Amerika Syarikat mempunyai tujuan untuk menjadikan China sebagai sekutunya dan kuasa dunia. Perkara ini pernah disentuh oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Cordell Hull bahawa Amerika Syarikat mempunyai dua objektif untuk China iaitu;

The first was an effective joint prosecution of the war. The second was the recognition and building up of China as a major power entitled to equal rank with the three big Western Allies, Russia, Britain, and the United States, during and after the war, both for the preparation of a postwar organization and for the establishment of stability and prosperity in the Orient.<sup>4</sup>

Usaha untuk menjadikan China sebagai sekutu dan kuasa besar bertujuan untuk membantu Amerika Syarikat melawan Jepun, mewujudkan kerjasama ekonomi dan keselamatan, dan menjadikan China sebagai kuasa yang akan menstabilkan kuasa di Asia Timur apabila tamatnya Perang Dunia Kedua.<sup>5</sup> Dengan kata lain ia bertujuan untuk menjadikan China sekutu Amerika Syarikat selepas perang.

Untuk mencapai tujuan ini beberapa usaha dilakukan seperti memulihkan ekonomi China dan membantu China dalam bidang ketenteraan. Bantuan ekonomi yang dibuat adalah seperti Perjanjian *Lease-Land* yang telah dibuat pada 1943. Untuk membantu pentadbiran China, Owen Lattimore telah dihantar sebagai penasihat pentadbiran Kerajaan China. Manakala dalam urusan ketenteraan, Jeneral Joseph Stilwell dihantar sebagai pegawai penasihat dalam bidang strategi dan rancangan ketenteraan. Sementara itu Chiang Kai-shek (Jiang Jieshi) pula telah dilantik oleh *White House* sebagai Komander Wilayah Tertinggi untuk wilayah Pasifik Barat Daya.<sup>6</sup>

Ini merupakan harapan yang tinggi diberi oleh Amerika Syarikat kepada China. Namun demikian realiti sebenar yang berlaku di China tidak menyakinkan China dapat mengalahkan Jepun. China yang diperintah oleh Kerajaan Koomintang



The Shave

(Goumindang) bukan sahaja berdepan dengan Jepun tetapi terpaksa juga berperang dengan pihak Parti Komunis China (PKC). Pada tahun 1936, Kuomintang dan PKC telah bersetuju untuk bersama-sama melawan Jepun dalam Barisan Bersatu. Tetapi masalah timbul dengan kegiatan PKC yang cuba menguasai kawasan yang dikawal oleh Kerajaan KMT. Salah satu contohnya berlaku pada September, 1937 apabila Tentera Ke 18 PKC menyeberang Sungai Kuning ke Shansi (Shanxi) telah mendirikan dua daerah tentera iaitu sempadan Shansi-Hopei-Chahar dan Shansi-Hopei-Honan.<sup>7</sup> Keadaan ini dilihat oleh Chiang Kai-shek sebagai usaha komunis untuk mengembangkan pengaruhnya di China.

Kemuncak konflik Kuomintang dan PKC ialah insiden *New Fourth Army*. Insiden ini berlaku pada Januari, 1941 apabila tentera PKC dibawah Chu Teh tidak mematuhi arahan untuk berundur ke utara dari Sungai Yangtze. Sebaliknya *New Fourth Army* yang berada di selatan Sungai Yangtze telah merancang untuk menguasai kawasan segitiga antara Nanking, Shanghai dan Hangchow (Hangzhou).<sup>8</sup> Oleh itu pihak tentera Kuomintang bertindak untuk menyerang dan menangkap pemimpin tentera *New Fourth Army*.<sup>9</sup> Konflik antara kedua-dua kumpulan ini menyukarkan matlamat Amerika Syarikat untuk mengalahkan Jepun.<sup>10</sup>



Selain masalah pepecahan antara Kuomintang dan PKC, tentera Kuomintang tidak mampu melawan serangan dari tentera Jepun. Keadaan ini boleh dilihat dengan Operasi Ichigo yang dilancarkan pada 1 April 1944 oleh tentera Jepun. Operasi itu hampir menyebabkan Chungking dan Kunming jatuh ditangan Jepun. Manakala pada November 1944, Kweilin (Guilin) iaitu pengkalan tentera Amerika Syarikat telah jatuh ke tangan Jepun.<sup>11</sup> Pihak Amerika Syarikat berpendapat bahawa Tentera Jepun mempunyai kekuatan yang cukup untuk menawan mana-mana bahagian China.<sup>12</sup> Keadaan menambah rasa tidak yakin Amerika Syarikat terhadap China untuk mengalahkan Jepun. Oleh itu alternatif baru harus dicari untuk melawan Jepun dan alternatif itu hanyalah Soviet Union.

### MONGOLIA LUAR

Mongolia merupakan kawasan yang terletak di utara China dan selatan Rusia Timur. Penduduknya terdiri dari bangsa Mongol sebagai penduduk teramai dan diikuti bangsa Turkic (kumpulan terbesar ialah Kazakh) Tungusic, dan lain-lain, termasuk Cina dan Rusia. Mengikut sejarah bangsa Mongol merupakan bangsa yang sering mengancam empayar kemaharajaan China dan sukar dikawal oleh kerajaan kemaharajaan China.

Pada era kebangkitan bangsa Manchu di timur laut pada abad ke 16, mereka telah berjaya menakluk selatan Mongolia dan kawasan itu dikenali sebagai *Inner Mongolia* (Mongolia Dalam). Orang Manchu seterusnya menyeberangi Gurun Gobi dan menakluk *Outer Mongolia* (Mongolia Luar). Kempen penaklukan ini tamat sehingga tahun 1691. Semasa China mengalami kemerosotan pada abad ke 19 dan 20, Rusia telah memberi senjata dan sokongan diplomatik kepada penduduk Mongolia. Sokongan dan bantuan yang diberi oleh Rusia ini mendapat sambutan baik oleh penduduk Mongolia Luar. Pada masa kejatuhan Dinasti Ch'ing, pemimpin Mongolia telah mengisytiharkan kemerdekaan *Great Mongolia Empire* dibawah Tsaputsentan Hutukhutu atau Living Buddha.

Rusia pula memberi amaran kepada China jika China cuba mengadakan kempen menentang kerajaan Mongolia Dalam maka Rusia tidak teragak-agak untuk bertindak. Rusia kemudiannya membuat perjanjian dengan Mongolia pada November 1912. Perjanjian itu menyatakan persetujuan Rusia untuk memberi bantuan ketenteraan dan ekonomi. Keadaan ini menambah kuasa Rusia di Mongolia. Kerajaan China memprotes tindakan Rusia ini dan

menyebabkan Rusia berjanji tidak akan mempengaruhi hal ehwal dalaman Mongolia. Pada 1915 Rusia, China dan Mongolia Luar bersetuju menerima pengaruh China ke atas Mongolia Luar, dan China dan Rusia bersetuju mengiktiraf status autonomi Mongolia Luar. Pada 1921 satu perjanjian telah dibuat oleh Rusia dengan Mongolia bagi mengekalkan tentera Rusia di Mongolia Luar dan memberi beberapa keistimewaan kepada Rusia. Apabila China mendapat tahu, ia telah memprotes perjanjian itu dan menyatakan Mongolia Luar adalah sebahagian dari China. Oleh itu isu Mongolia diselesaikan melalui rundingan dan pada 1924 Rusia dan China akhirnya mengakui Mongolia Luar sebagai sebahagian dari Republik China.


Pada tahun yang sama, setelah *Living Buddha* meninggal dunia maka ditubuhkan Republik Rakyat Mongolia dan pembentukan sebuah perlembagaan. Keadaan ini menunjukkan orang Mongol tidak menerima kedaulatan China. Walau bagaimanapun China gagal mengambil tindakan ke atas Mongolia kerana China mengalami perang saudara. Pada 1940 Mongolia telah membuat perlembagaan baru yang berdasarkan model Rusia. Semasa Perang Dunia Kedua, Mongolia telah mengisytiharkan perang ke atas Jepun, dan Rusia pula mendesak China supaya mengakui kemerdekaan Mongolia.

### DAIREN DAN PORT ARTHUR

Dalian dan Port Arthur terletak di hujung Semenanjung Liaodong wilayah Liaoning, dengan Laut Kuning di sebelah timur dan Laut Bohai di barat, serta Semenanjung Shandong di bahagian selatannya. Di utara pula tiga wilayah Timur Laut China dan Mongolia Dalam. Kedua-dua tempat ini merupakan pelabuhan penting untuk perdagangan dan tujuan ketenteraan. Tambahan lagi kedua-dua pelabuhan ini memiliki ciri pelabuhan bebas ais. Oleh itu ia menjadi tarikan oleh kuasa asing khususnya Rusia untuk menguasainya kerana pelabuhannya di utara seperti Vladivostok tidak mempunyai ciri sedemikian.

Rusia menerusi *Luda Lease Treaty* dengan China untuk mendapatkan hak memajakkan pelabuhan ini bersama-sama Port Arthur selama 25 tahun. Rusia telah membangunkan Dairen sebagai pusat selatan bagi Jalan Keretapi Manchuria. Penguasaan Rusia ke atas pelabuhan ini tidaklah kekal lama. Kekalahannya kepada Jepun pada 1905 telah menyebabkan Rusia terpaksa menyerahkan semula pelabuhan itu dibawah kekuasaan Jepun. Tentera Kwantung Jepun telah mendirikan pengkalan tenteranya di pelabuhan ini. Dengan itu juga pada 1928





Keadaan Di Pelabuhan Dairen

ibu pejabat tentera Kwantung Jepun telah berpindah dari pelabuhan itu ke Mukden (Shenyang).

### JALAN KERETAPI

Jalan keretapi China Timur dibina oleh Rusia apabila mendapat kebenaran dari China pada 1896. Rusia memang mempunyai rancangan untuk membina jalan keretapi yang akan merentasi Manchuria. Usaha-usaha ini mula timbul apabila Jalan Keretapi Trans-Siberian dibina pada 1891. Pembinaan Jalan Keretapi Trans-Siberian dilihat terlalu panjang untuk sampai ke Vladivostok. Untuk menjimat masa dan mengurangkan jarak perjalanan maka sebuah jalan keretapi yang merentasi Manchuria menjadi alternatif terbaik. Oleh itu pihak Rusia telah mengadakan rundingan dengan China untuk mendapat hak membina jalan keretapi tersebut. Antara persetujuan yang mereka capai ialah meletakkan pengurusan oleh sebuah organisasi persendirian yang dikenali sebagai *Chinese Eastern Railways Corporation*.

Jalan keretapi ini dibina dari Chita ke Vladivostok. Panjangnya jalan keretapi ini ialah 1,073 batu. Dua tahun kemudian Rusia mendapat kebenaran untuk membina Jalan Keretapi Manchuria Selatan yang akan menyambung Jalan Keretapi China Timur sejauh 709 batu ke Darien dan Port Arthur di Semenanjung Liaodong. Pada 18 September, 1931, berlaku letupan bom di Jalan Keretapi Manchuria Selatan yang memulakan pencerobohan Jepun ke atas Manchuria.

### **SAKHALIN (SAGHALIEN)**

Sakhalin merupakan pulau yang dipisahkan antara Laut Okhotsk dan Laut Jepun, dan dipisahkan dari tanah besar Rusia oleh Selat Tatar dan dari Hokaido oleh Selat Soya. Ia mempunyai keluasan 29,500 batu persegi / 76,400 kilometer persegi. Kepulauan ini kaya dengan bahan galian seperti gas, minyak, arang batu dan besi. Selain itu ia juga merupakan kawasan perikanan dan kilang papan. Sakhalin diduduki oleh penduduk berketurunan Rusia dan penduduk pribumi Gilyaks.

Mengikut sejarah pulau ini menjadi rebutan antara Rusia dan Jepun. Perselisihan antara Rusia dan Jepun cuba diselesaikan melalui perjanjian dan antara perjanjian yang dibuat oleh kedua-dua pihak ialah Perjanjian Saint Petersburg. Perjanjian tersebut menyerahkan Sakhalin kepada Rusia. Namun demikian kejayaan Jepun dalam Perang Russia Jepun telah membahagikan Sakhalin kepada pihak Rusia dan Jepun.


### **KEPULAUAN KURILE**


Kurile merupakan rangkaian pulau-pulau yang terletak di utara Pulau Hokaido. Keluasannya sekitar 15,600 kilometer persegi atau 6000 batu persegi. Terdapat kira-kira 50 buah pulau yang membentuk Kurile. Seperti Sakhalin, Kepulauan Kurile juga menjadi rebutan antara Rusia dan Jepun.

Menurut Perjanjian Shimoda kedua-dua pihak bersetuju membahagikan kepulauan itu kepada dua, iaitu bahagian utara dan tengah kepada Rusia dan bahagian selatan kepada Jepun. Perjanjian Saint Petersburg pula menyelesaikan masalah Sakhalin dan Kepulauan Kurile. Menurut perjanjian tersebut Rusia menyerahkan utara dan tengah Kurile kepada Jepun. Manakala Jepun melepaskan tuntutannya ke atas Sakhalin. Kurile kemudiannya diletakkan dibawah pentadbiran Hokkaido.

### **PERSIDANGAN YALTA**

Persidangan Yalta merupakan persidangan yang cuba mencari penyelesaian mengenai Perang Dunia Kedua. Antara perkara di sentuh ialah mengenai usaha mengenai perang di kawasan Asia Pasifik atau lebih khususnya mengenai usaha membawa Rusia terlibat dalam perang Asia Pasifik. Usaha untuk membawa Rusia dalam perang tersebut telah disuarakan oleh pihak Amerika Syarikat sejak





Kedudukan Kepulauan Kurile

1943. Dari tahun tersebut sehingga 1945, pihak Amerika Syarikat telah membuat beberapa garis panduan mengenai rancangan ketenteraan di dalam persidangan tersebut. Perkara ini dibincang secara serius semasa di Yalta. Di sana pemimpin tiga kuasa dunia akhirnya mencapai kata sepakat dalam isu penyertaan Soviet Union dalam perang di Asia Pasifik.

Sebagai pampasan dari penglibatan Soviet Union dalam perang tersebut maka beberapa item seperti diatas telah dibincangkan dan dipersetujui oleh tiga kuasa besar di persidangan tersebut. Soviet Union memang mempunyai sejarah dan kepentingan besar ke atas tuntutannya mengenai perkara-perkara yang disentuh dalam persetujuan tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh George F. Lesen bahawa bahagian utara Manchuria menjadi ancaman kepada kepentingan Sungai Amur; bahagian selatan Manchuria iaitu Korea mengandungi pelabuhan bebas ais; dan ditengah Manchuria merupakan jalan terdekat ke Wilayah Maritime Rusia dan Vladivostok. Sakhalin pula menawarkan kawalan ke atas Kuala Sungai Amur. Manakala Kepulauan Kurile, Jepun, kepulauan di Selat Tsushima, dan Korea akan menghalang Rusia dari memasuki Lautan Pasifik.<sup>15</sup> Oleh itu

"... *the conquest of these bordering area and of Mongolia by a powerful Japan would constitute an immediate and serious threat to Rusia.*"<sup>14</sup>

Namun demikian persetujuan yang dibuat di Yalta itu menjadi persoalan hangat di bincangkan di kalangan pihak media, sarjana dan ahli politik. Terdapat pihak yang pro dan ada juga yang mengkritik persetujuan di Yalta tersebut. Duta Amerika Syarikat ke Moscow, W. Averell Harriman mempertahankan perjanjian tersebut sebagai usaha untuk mencapai kemenangan dan mencari jalan untuk tiga kuasa dunia ini hidup dalam dunia yang aman selepas perang. Masalah yang berlaku selepas perang, menurut Harriman merupakan masalah yang bukan bertitik tolak dari Persidangan Yalta tetapi Stalin gagal memahami perjanjian tersebut.<sup>15</sup> Tambahan lagi, Harriman menyatakan bahawa persetujuan di Yalta diakui dalam perjanjian Sino-Soviet pada Ogos, 1945. Ini bermaksud China mengakui perjanjian Yalta dan Stalin pula mengakui kepimpinan Chiang Kai-shek untuk memimpin China.

Ernesto Sanchez menyatakan bahawa tiada apa-apa yang boleh dibuat untuk menyelamatkan Asia Timur (termasuk Poland dan Jerman Timur) dari pengaruh Soviet Union.<sup>16</sup> Ini kerana pada peringkat awal-awal lagi Soviet Union telah mengembangkan pengaruhnya di China menerusi PKC. James F. Byrnes, iaitu Setiausaha Negara Amerika Syarikat selepas perang, berpendapat penyertaan Soviet Union dalam perang melawan Jepun amat penting. Perkara ini telah ditentukan dalam rancangan ketenteraan Amerika Syarikat setelah memikir kos yang akan ditanggung selepas perang.<sup>17</sup>

Bagi pihak yang mengkritik perjanjian tersebut mereka berpendapat Amerika Syarikat telah memberi peluang kepada Soviet Union untuk bertapak di Asia Timur. Persidangan Yalta dilihat sebagai benih-benih perang dingin di Asia Timur dan akhirnya membawa kepada kejatuhan kerajaan Chiang Kai-shek di China, meletusnya Perang Korea (1950-1953), Perang Vietnam dan masalah komunis di Asia. Athan G. Theoharis menyatakan bahawa perpaduan pihak Bersekutu pada masa perang hanya berdasarkan "... *commitment to defeat the Axis Powers and not on commonly shared objectives or mutual thrust, major and potentially divisive differences among these Allies remaind. If they continued to be unresolved, these differences could frustrate attempts to attain a durable peace.*"<sup>18</sup>

Manakala Bekas Duta Amerika Syarikat di Moscow, Patrik J. Hurley mengkritik dasar luar Amerika Syarikat yang telah berubah dari dasar asalnya. "*Beginning at Yalta in February 1945 our foreign policy changed from the*

*support of the principles of the Atlantic Charter to a policy based on concessions to communism and imperialism, and fear of Russia, . . .*"<sup>19</sup> G. F. Hudson menyatakan Yalta sebagai satu tragedi dan mengkritik tindakan Presiden Roosevelt yang bersetuju dengan perjanjian tersebut.

The main source of the tragedy of Yalta was an obsession in Roosevelt's mind with an increasing disregard of the rights of weaker nations. . . . The Roosevelt of Yalta was no longer the man who had drafted the Atlantic Charter. During the last two years of his life he fell more and more under the spell of his vision of a world governed arbitrary for its good by a conclave of three men.<sup>20</sup>

Kedua-dua pendapat ini merujuk kepada tindakan Presiden Roosevelt yang mengakui tuntutan Soviet Union ke atas haknya di China dan Jepun. Keadaan ini dilihat cuba mencabul kedaulatan China dan Jepun. Maris A. Manteniaks berpendapat tindakan mempersetujui penyerahan Kepulauan Kurile dan Kepulauan Sakhalin oleh Presiden Roosevelt telah melanggar prinsip beliau sendiri yang diperjuangkan pada 1942 semasa Perundingan Perjanjian Anglo Soviet.<sup>21</sup> Pertama beliau menyatakan tiadanya perjanjian sulit antara ahli-ahli pihak Bersekutu dan kedua tidak harus adanya penyerahan satu wilayah kepada kuasa lain sekurang-kurangnya sebelum tamatnya perang.<sup>22</sup>

Manakala penyertaan Soviet Union dalam perang di Asia Pasifik pula membuka jalan ke arah perang dingin di Asia Timur. Perkara ini dipersetujui oleh Keith Sainsbury yang menyatakan bahawa perkara-perkara yang berlaku selepas perang merupakan kesan ketara dari perbincangan di Yalta. Kesan jangka panjang boleh dilihat dengan kebangkitan pihak komunis di China walaupun bukannya dijangka oleh Stalin mahupun Roosevelt.<sup>23</sup>

Dalam perkara ini terdapat alasan-alasan tertentu mewujudkan perjanjian tersebut. Seperti yang telah diperjelaskan bahawa tujuan asal Amerika Syarikat meminta bantuan Soviet Union ialah ingin menamatkan perang dengan secepat mungkin. Usaha untuk membantu China bagi mengalahkan Jepun gagal mencapai matlamatnya. Kerajaan Chiang Kai-shek tidak mampu melawan kemaraan Jepun disamping menghadapi masalah dengan PKC. Oleh itu Amerika Syarikat perlu mencari alternatif lain bagi merealisasikan usaha mengalahkan Jepun. Alternatif yang ada hanya meminta Soviet Union menyertai Amerika Syarikat dalam usaha menundukkan tentera Jepun. Oleh itu usaha-usaha untuk membawa Soviet Union



dalam perang dengan Jepun telah dirancang dan dibincang sejak di Persidangan Teheran (1943). Stalin pada dasarnya bersetuju dengan perkara ini tetapi pada masa itu persetujuan adalah dalam bentuk lisan. Hanya di Yalta sahaja yang membantu usaha ini dipersetujui secara perjanjian.

Apabila dilihat mengenai persetujuan di Yalta ternyata bahawa tentera Amerika Syarikat tidak mampu berdepan dengan tentera Jepun secara bersendirian. Mereka memerlukan bantuan Soviet Union untuk menghapuskan tentera Jepun. Oleh itu pihak Amerika Syarikat inginkan penubuhan dua kawasan peperangan iaitu di pasifik dan di utara China. Keadaan ini boleh menamatkan perang dengan cepat disamping mengurangkan kos peperangan di pihak Amerika Syarikat.

Selain itu Perjanjian Yalta cuba memberi satu garis panduan keamanan bagi dunia selepas perang. Bagi pihak Amerika Syarikat dengan adanya persefahaman di Yalta dan berlakunya tolak-ansur antara tiga kuasa besar itu maka dunia boleh kembali aman selepas perang. Penyerahan beberapa hak China dan Jepun pula dilihat amat penting bagi menarik minat Soviet Union kerana menurut Stalin ". . . *it would be difficult for him and Molotov to explain to the Soviet people why Russia entering the war against Japan . . . a country with which they had no great trouble.*"<sup>24</sup>

## BOM ATOM

Namun demikian timbulnya keganjilan dalam tindakan Amerika Syarikat selepas persetujuan di Yalta. Penggunaan bom atom ke atas Hiroshima pada 6 Ogos, 1945 mengejutkan dunia. Tindakan itu diambil dua hari sebelum tentera Soviet Union menyertai perang dengan Jepun. Pada 9 Ogos 1945 pula sekali lagi bom atom digunakan dan kali ini bandar Nagasaki menjadi mangsa bom tersebut. Persoalan yang timbul disini adalah penggunaan bom atom secara tiba-tiba menunjukkan berlakunya perubahan polisi Amerika Syarikat terhadap perang dengan Jepun. Penggunaan bom atom menunjukkan Amerika Syarikat tidak yakin keputusan Yalta boleh memberi kebaikan kepada rantau Asia Timur. Ia seolah-olah mempercepatkan usaha menamatkan perang supaya tentera Soviet Union tidak dapat menguasai lebih banyak kawasan lagi di Asia Timur.

Selain itu terdapat perundingan dibuat antara Soviet Union dan Jepun pada 3 - 14 Jun 1945 untuk mewujudkan hubungan baru antara kedua-dua negara dalam menentukan masa depan Asia.<sup>25</sup> Koki Hirota mencadangkan kepada

Jacob A. Malik, duta Soviet Union di Tokyo kedua-dua negara harus bergabung untuk menjadi kuasa besar di dunia. Jepun juga menawarkan akan kembali kepada sempadan Jepun sebelum 1904 kepada Rusia.<sup>26</sup> Keadaan ini menyebabkan Amerika Syarikat memikir semula polisinya sebelum ini.

Dalam perkara ini polisi Amerika Syarikat terhadap perang dengan Jepun dalam tahun 1945 memperlihatkan keraguan terhadap kehadiran Soviet Union di Asia Timur. Amerika Syarikat bimbang dengan kemaraan Soviet Union. Oleh itu bom atom digugurkan bukan sahaja untuk menamatkan perang tetapi juga menunjukkan kepada Soviet Union akan *superiority* Amerika Syarikat. Presiden Amerika Syarikat yang baru iaitu Henry Truman dan Setiausaha Negara, Byrnes memperlihatkan pengeboman itu akan mengurangkan pengaruh Soviet Union di Asia. Namun demikian Saintis British, P M S Blacket menyatakan pengeboman ini sebagai "*the first major operation of the cold diplomatic war with Russia.*"<sup>27</sup>

Polisi Amerika Syarikat ini meletakkan Asia Timur menjadi mangsa di mana kedaulatan China dicerobohi dengan persetujuan oleh tiga pemimpin utama dunia di Yalta untuk menyerahkan beberapa hak China kepada Soviet Union. Malahan Chiang Kai-shek tidak dijemput dalam perundingan di Yalta. Manakala kepentingan Jepun pula diserahkan kepada Soviet Union. Ini merupakan satu tindakan mengenyahkan kepentingan negara lain yang dibuat oleh Amerika Syarikat.

Setelah beberapa bulan Jerman kalah, pentadbiran Amerika Syarikat sekali lagi mengubah polisinya yang mengorbankan nyawa penduduk Jepun. Oleh itu terdapat dua tindakan yang merugikan Asia Timur yang di buat oleh Amerika Syarikat. Pertama memberi peluang kepada Soviet Union menguasai beberapa bahagian di Asia Timur. Kedua pula ialah mengorbankan nyawa penduduk Jepun. Kedua-dua tindakan ini mempunyai tujuan yang sama iaitu menamatkan perang dengan secepat mungkin tetapi langkah pertama boleh membawa penyebaran pengaruh Soviet Union. Manakala langkah kedua bukan sahaja mengorbankan nyawa penduduk Jepun tetapi telah terlambat menyekat pengaruh Soviet Union di Asia Timur.

Selain itu tindakan Amerika Syarikat yang tidak konsisten telah membuka jalan kepada perang dingin di Asia Timur. Ia dimulai dengan kegagalan Amerika Syarikat dalam mengelakkan China jatuh ditangan komunis sehingga pihak Amerika Syarikat mengalami kekalahan di Vietnam. Namun demikian perang dingin mungkin tidak dapat dielakkan tetapi polisi Amerika Syarikat membuka

pintu yang lebih luas kepada pertentangan dunia liberal demokrasi dan komunis di Asia. Akibatnya imbalan kuasa yang cuba diwujudkan semasa di Yalta nampaknya gagal. Pihak komunis semakin berpengaruh di Asia dan harapan Amerika Syarikat untuk menjadikan China sebagai sekutunya juga menemui kegagalan. Kerajaan Nasionalis pimpinan Chiang Kai-shek mengalami kekalahan dan terpaksa berundur dari tanah besar ke Taiwan.

### RUMUSAN

Secara keseluruhannya Persidangan Yalta mengenai Asia Timur seperti juga di Eropah memperlihatkan banyak kelemahannya. Ini kerana matlamat asal mereka banyalah untuk mengalahkan Jepun dengan secepat mungkin. Oleh itu tiada apa-apa perjanjian yang konkrit bagi mengekalkan keamanan di Asia Timur. Sebaliknya Roosevelt dan Stalin cuba melukis semula peta Asia Timur atas kepentingan masing-masing. Sementara itu masalah sebenar yang ada di Asia Timur tidak dihiraukan. Tujuan keamanan yang cuba dicapai oleh pihak Amerika Syarikat umpama menggantikan Jepun dengan kuasa komunis.

Dalam perkara ini Roosevelt mempunyai tujuan untuk mewujudkan keamanan dunia. Beliau berharap Yalta boleh menjadi garis panduan kepada keamanan dunia. Namun demikian beliau silap dalam membuat perhitungan diplomatik dengan Soviet Union. Soviet Union mempunyai program tersendiri untuk meluaskan pengaruh komunis. Perkara ini tidak diperhatikan dengan baik oleh Roosevelt. Seperti kenyataan Chester Wilmot mengenai Rusia adalah, "*[t]he two most serious miscalculations of the second world war both concerned the Soviet Union: Hitler's miscalculation of Russia's military strength, and Roosevelt's miscalculation of Russia's political ambition.*"<sup>28</sup>

Manakala pengganti beliau iaitu Truman merupakan ahli politik yang baik tetapi tidak mempunyai pengetahuan luas dalam hubungan antarabangsa. Oleh itu beliau memikul tugas besar selepas era Roosevelt. Tindakan mengugurkan bom atom mungkin dilihat sebagai satu cara terbaik untuk menamatkan perang tetapi ia memperlihatkan kegagalan Persidangan Yalta dan memberi kesan ke atas Asia Timur selepas perang.

## LAMPIRAN 1

## YALTA (CRIMEA) CONFERENCE

February, 1945

Washington, March 24 - The text of the agreements reached at the Crimea (Yalta) Conference between President Roosevelt, Prime Minister Churchill and Generalissimo Stalin, as released by the State Department today, follows:

PROTOCOL OF PROCEEDINGS OF CRIMEA CONFERENCE

The Crimea Conference of the heads of the Governments of the United States of America, the United Kingdom, and the Union of Soviet Socialist Republics, which took place from Feb. 4 to 11, came to the following conclusions:

.....  
 .....  
 .....

AGREEMENT REGARDING JAPAN

The leaders of the three great powers - the Soviet Union, the United States of America and Great Britain - have agreed that in two or three months after Germany has surrendered and the war in Europe is terminated, the Soviet Union shall enter into war against Japan on the side of the Allies on condition that:

1. The status quo in Outer Mongolia (the Mongolian People's Republic) shall be preserved.
2. The former rights of Russia violated by the treacherous attack of Japan in 1904 shall be restored, viz.:
  - (a) The southern part of Sakhalin as well as the islands adjacent to it shall be returned to the Soviet Union;

- (b) The commercial port of Dairen shall be internationalized, the pre-eminent interests of the Soviet Union in this port being safeguarded, and the lease of Port Arthur as a naval base of the U.S.S.R. restored;
- (c) The Chinese-Eastern Railroad and the South Manchurian Railroad, which provide an outlet to Dairen, shall be jointly operated by the establishment of a joint Soviet-Chinese company,

it being understood that the pre-eminent interests of the Soviet Union shall be safeguarded and that China shall retain sovereignty in Manchuria;

3. The Kurile Islands shall be handed over to the Soviet Union.

It is understood that the agreement concerning Outer Mongolia and the ports and railroads referred to above will require concurrence of Generalissimo Chiang Kai-shek. The President will take measures in order to maintain this concurrence on advice from Marshal Stalin.

The heads of the three great powers have agreed that these claims of the Soviet Union shall be unquestionably fulfilled after Japan has been defeated.

For its part, the Soviet Union expresses its readiness to conclude with the National Government of China a pact of friendship and alliance between the U.S.S.R. and China in order to render assistance to China with its armed forces for the purpose of liberating China from the Japanese yoke.

Joseph Stalin  
Franklin D. Roosevelt  
Winston S. Churchill

February 11, 1945.

Sumber: <http://www.uncg.edu/psc/yalta.htm>

## NOTA

- \* Churchill tidak terlibat tetapi turut menandatangani perjanjian tersebut.
- 1 Edward R. Stettinius, *Roosevelt And The Russians: The Yalta Conference*, (Jonathan Cape, London, 1950), hal.89.
- 2 Ibid.
- 3 Ernesto Sanchez, "The Teheran Conference's Influence On The Postwar World: A Reassessment," <http://www.history.upenn.edu/phr/spring97/fur1.html>, hal.13.
- 4 Cordell Hull, *The Memoirs of Cordell Hull, Volume Two*, (Hodder & Stoughton, London, 1948) p.1583.
- 5 Suffian Bin Mansor, "American Policy Towards China, In 1941 To 1945," Master of Arts Thesis., The University of Leeds, 1997, hal.14 dan 15.
- 6 *China Hand Book 1937-1943: A Comprehensive Survey of Major Developments in China in Six Years of War*, (The Macmillan Company, New York, 1943), hal.146.
- 7 Chiang Kai Shek, *Soviet Russia In China*, (The Noonday Press, New York, 1957), hal. 63-64
- 8 *Ibid.*, hal.66.
- 9 893.00/14630 Telegram, The Ambassador in China (Johnson) to the Secretary of State, Chungking January, 17, 1941, *Foreign Relations of the United States: Diplomatic Papers 1941 Volume V The Far East*, (Department of State Publication, Washington, 1956), hal. 463-464.
- 10 793.94/16607 Telegram The First Secretary of Embassy in China (Smyth) to the Secretary of State, Peiping, May 12, 1941, *Foreign Relations of the United States 1941 Volume V The Far East*, (Department of States, Washington, 1956), hal.501.
- 11 John Hunter Boyle, *China and Japan at War 1937-1945: the Politics of Collaboration*, (Stanford University Press, Stanford, California, 1972), hal.319
- 12 Wesley M. Bagby, *The Eagle-Dragon Alliance: America's Relations with China in World War II*, (University of Delaware Press, Newark, 1992), hal.133, dari "Estimate of Japanese Capabilities in China," unsigned and undated, China Theatre Information Book I, Box 1, Wedemeyer Files.
- 13 George E. Lesen, "Yalta And The Far East," John L. Snell (ed.), *The Meaning of Yalta*, (Louisiana State University Press, Baton Rouge, 1970), hal.127-128.
- 14 *Ibid.*, hal.128.
- 15 W. Averell Harriman, "Statement Regarding Our Wartime Relations With The U.S.S.R., Particularly Concerning The Yalta Agreement," Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, (D. C. Heath And Company, Boston, 1955), hal.60.
- 16 Ernesto Sanchez, "The Teheran Conference's Influence On The Postwar World," hal.15.
- 17 James F. Byrnes, "Yalta - High Tide of Big Three Unity," Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, (D. C. Heath And Company, Boston, 1955), hal.15.



- 18 Athan G. Theoharis, *The Yalta Myths*, (University of Missouri Press, Columbia, Missouri, 1970), hal.10.
- 19 Patrick J. Hurley, "Testimony on the Military Situation In the Far East," Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, (D. C. Heath And Company, Boston, 1955), hal.56.
- 20 G. F. Hudson, "The Lesson of Yalta," Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, (D. C. Heath And Company, Boston, 1955), hal.47.
- 21 Maris A. Manteniaks, "Yalta And The Baltic Countries," <http://www.bafj.com/yalta.html>, hal.4.
- 22 Ibid., " hal.4 dari *Malta and Yalta Conference*, hal.72.
- 23 Keith Sainsbury, *The Turning Point*, (Oxford University Press, Oxford, 1985), hal.304 dan 305.
- 24 George F. Lensen, "Yalta And Far East," hal.146.
- 25 Bruce Lee, "Truman Bombed Hiroshima," <http://www-users.cs.umn.edu/~dyue/wtibist/hiroshima/truman.htm>, hal.2.
- 26 George F. Lensen, "Yalta And Far East," hal.156.
- 27 Fan Yew Teng, "Truman & his A-Bombs," <http://www.livelinks.com/sumeria/politics/a-bombs.html>, hal.2
- 28 Chester Wilmot, "Stalin's Greatest Victory," *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, (D. C. Heath And Company, Boston, 1955), hal.88.

## BIBLIOGRAFI

## Rekod

- 793.94/16607 Telegram The First Secretary of Embassy in China (Smyth) to the Secretary of State, Peiping, May 12, 1941, *Foreign Relations of the United States 1941 Volume V The Far East*, Department of States, Washington, 1956.
- 893.00/14630 Telegram, The Ambassador in China (Johnson) to the Secretary of State, Chungking January, 17, 1941, *Foreign Relations of the United States: Diplomatic Papers 1941 Volume V The Far East*, Department of State Publication, Washington, 1956.

## Buku Dan Tesis

- Bagby, Wesley M., *The Eagle-Dragon Alliance: America's Relations with China in World War II*, University of Delaware Press, Newark, 1992.
- Boyle, John Hunter, *China and Japan at War 1937-1945: the Politics of Collaboration*, Stanford University Press, Stanford, California, 1972.
- Byrnes, James E., "Yalta - High Tide of Big Three Unity," Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, D. C. Heath And Company, Boston, 1955.
- Chiang Kai Shek, *Soviet Russia In China*, The Noonday Press, New York, 1957.
- China Hand Book 1937-1943: A Comprehensive Survey of Major Developments in China in Six Years of War*, The Macmillan Company, New York, 1943.
- Harriman, W. Averell, "Statement Regarding Our Wartime Relations With The U.S.S.R., Particularly Concerning The Yalta Agreement," Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, D. C. Heath And Company, Boston, 1955.
- Hudson, G. E., "The Lesson of Yalta" Richard F. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, D. C. Heath And Company, Boston, 1955.
- Hull, Cordell, *The Memoirs of Cordell Hull, Volume Two*, Hodder & Stoughton, London, 1948.
- Hsu, Immanuel C. Y., *The Rise of Modern China*, Third Edition, Oxford University Press, Oxford, 1983.

- Hurley, Patrick, "Testimony on the Military Situation In the Far East," Richard E. Fenno (ed.), *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, D. C. Heath And Company, Boston, 1955, hal.56.
- Lesen George F., "Yalta And The Far East," *The Meaning of Yalta*, Louisiana State University Press, Baton Rouge, 1970.
- Sainsbury, Keith, *The Turning Point*, Oxford University Press, Oxford, 1985.
- Stettinius, Edward R., *Roosevelt And The Russians: The Yalta Conference*, Jonathan Cape, London, 1950.
- Suffian Bin Mansor, "American Policy Towards China, In 1941 To 1945," Master of Arts Thesis., The University of Leeds, 1997.
- Theoharis, Athan G. , *The Yalta Myths*, University of Missouri Press, Columbia, Missouri, 1970.
- Wilmot, Chester, "Stalin's Greatest Victory," *The Yalta Conference: Problems In American Civilization*, D. C. Heath And Company, Boston, 1955.

#### Bahan Internet

- Pan Yew Teng, "Truman & his A-Bombs." <http://www.livelinks.com/sumeria/politics/a-bombs.html>.
- Lee, Bruce, "Truman Bombed Hiroshima." <http://www-users.cs.umn.edu/~dyue/wiibist/hiroshima/truman.htm>.
- Maris A. Manteniaks, "Yalta And The Baltic Countries." <http://www.bafl.com/yalta.html>.
- Sanchez, Ernesto, "The Teheran Conference's Influence On The Postwar World: A Reassessment" <http://www.bistory.upenn.edu/pbr/spring97/furl.html>.